

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan projek bina baru bangunan sekolah dan penempatan semula pelajar-pelajar SK St. Theresa, Serian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SK St. Teresa di Serian, Sarawak merupakan sekolah bantuan kerajaan dan beroperasi di atas tanah milik Lembaga Pengelola Sekolah (LPS). Bangunan sekolah ini telah diisytihar tidak selamat oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Bahagian Samarahan melalui surat bertarikh 31 Oktober 2005. Pada 21 Oktober 2019, pihak LPS telah memohon agar sekolah tersebut ditutup sepenuhnya bermula sesi persekolahan tahun 2021.

Sehubungan itu, penyuraian semua murid dan guru SK St. Teresa telah dilaksanakan pada 15 hingga 23 Julai 2020. Seramai 53 orang 24 orang guru SK St, Teresa telah disuraikan sepenuhnya ke sekolah-sekolah yang berhampiran bagi memastikan murid terlibat dapat meneruskan pembelajaran dalam keadaan selamat dan selesa. Mengenai pembinaan sekolah atau bangunan baharu SK St. Teresa pula,

KPM tidak pernah menerima sebarang permohonan daripada LPS berkaitan perkara tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Serian, berdasarkan perancangan KPM, sebuah sekolah baharu iaitu SK Sri Sadong dengan pembinaan 12 bilik darjah dan kemudahan lain akan dibina di tapak Lot 935, Blok 15 Bukar-Sadong Land District. Projek ini dalam peringkat pra bina dan dokumen tender dijangka akan dimuktamadkan selewat-lewatnya Disember 2020, setelah mendapat kelulusan sepenuhnya daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pembinaan sekolah baharu ini adalah bagi memenuhi keperluan pendidikan dan pertambahan penduduk di kawasan Serian.

Sekian, terima kasih.